

BAB DUA

TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

Walaupun perkhidmatan bimbingan dan kaunseling telah diperkenalkan lebih 30 tahun, sehingga kini masih belum ada kajian yang mendalam dan menyeluruh melibatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah. Oleh itu masih belum diketahui sejauh manakah perkhidmatan ini dilaksanakan, keberkesanan perkhidmatannya dan kejayaan pelaksanaannya. Kajian yang dijalankan sehingga kini kebanyakannya adalah kajian oleh pelajar universiti yang menjalankan kajian itu dengan tujuan untuk memenuhi syarat mendapat Ijazah Sarjana dan Diploma (Suradi Salim, 1993)

Sehingga tahun 1984, di Universiti Kebangsaan Malaysia sahaja terdapat tidak kurang daripada 80 buah projek penyelidikan ilmiah yang berkaitan dengan bimbingan dan kaunseling. Di Universiti Malaya pula terdapat lebih dari 20 laporan penyelidikan mengenai perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah menengah. Walaupun jumlah kajian ilmiah yang telah dihasilkan oleh penuntut UKM agak banyak, namun kajian-kajian itu masih berada di peringkat penerokaan.

Keadaan yang sama juga berlaku di Universiti Malaya. Daripada beberapa penyelidikan ilmiah yang dihasilkan, hanya dua sahaja yang benar-benar menyentuh aspek pelaksanaan program bimbingan dan kaunseling di sekolah

menengah. Dua kajian itu ialah mengenai pendapat pelajar, guru bimbingan dan pentadbir mengenai perkhidmatan bimbingan di 14 buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan (Symons, 1977) dan kajian mengenai masalah guru bimbingan (Menon, 1983).

Suradi Salim (1994), telah membuat kajian mengenai keperluan bimbingan pelajar-pelajar sekolah menengah negeri Selangor Darul Ehsan. Subjek kajian terdiri daripada 171 orang pelajar di 7 buah sekolah menengah terpilih di negeri Selangor. Terdapat empat tujuan utama kajian ini dijalankan. Tujuan pertama ialah untuk mengenal pasti bidang-bidang di mana pelajar-pelajar sekolah menengah terpilih di negeri Selangor memerlukan bimbingan. Tujuan kedua adalah untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan dari segi keperluan antara sekolah-sekolah. Tujuan ketiga ialah untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan dari segi keperluan antara pelajar bandar dan luar bandar dan tujuan keempat untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan dari segi keperluan antara pelajar dari pelbagai kaum.

Instrumen kajian yang digunakan ialah satu inventori keperluan yang mengandungi 225 item dibahagikan kepada sembilan bidang. Bidang-bidang tersebut ialah perkembangan kemahiran belajar, perkembangan pelajaran dan vokasional, perkembangan sosial, perkembangan kerjaya, perkembangan pemahaman diri, perkembangan kesihatan dan fizikal, kewangan dan tempat

tinggal, perkembangan peribadi dan akhir sekali ialah perkembangan kerohanian dan moral.

Menerusi kajian tersebut didapati bahawa keperluan bimbingan dalam bidang-bidang pelajaran dan vokasional, kemahiran belajar, kerjaya, kerohanian dan moral, pemahaman diri, peribadi, sosial, kesihatan dan fizikal, kewangan dan tempat tinggal adalah sangat tinggi untuk semua pelajar. Di samping itu, tiga bidang utama di mana keperluan bimbingannya adalah paling tinggi ialah bidang perkembangan pelajaran dan vokasional, perkembangan kemahiran belajar dan perkembangan kerjaya.

Selain daripada itu, terdapat juga perbezaan antara sekolah-sekolah dari segi keperluan bimbingan dalam kesembilan bidang. Analisis Varians telah digunakan untuk menunjukkan sama ada terdapat perbezaan di antara markat min yang diperolehi oleh sekolah-sekolah di bandar dan di luar bandar. Pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah yang terletak di luar bandar jelas mempunyai keperluan bimbingan yang lebih tinggi dari pelajar-pelajar di sekolah-sekolah di bandar. Kajian ini juga menunjukkan terdapat perbezaan antara keperluan bimbingan pelajar-pelajar yang berasal dari bandar dan pelajar-pelajar dari luar bandar. Pelajar-pelajar yang berasal dari luar bandar jelas mempunyai keperluan bimbingan yang lebih tinggi dari pelajar yang berasal dari bandar. Sementara itu, terdapat juga perbezaan antara kaum dari segi keperluan bimbingan. Pelajar-

pelajar dari kaum Melayu jelas mempunyai keperluan bimbingan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar-pelajar dari kaum lain.

Kajian keperluan ini juga dijalankan oleh Aminah Hj. Hashim (1994). Subjek kajian terdiri daripada 420 orang pelajar tingkatan 4 dari tujuh buah sekolah menengah. Terdapat tiga tujuan utama kajian ini dijalankan. Tujuan-tujuan tersebut ialah membuat satu tinjauan awal tentang jenis masalah yang dihadapi oleh pelajar sekolah menengah, mengetahui bilangan pelajar yang menghadapi banyak masalah dan yang memerlukan perkhidmatan kaunseling dan akhir sekali mendapatkan maklumat tentang individu yang pelajar temui apabila menghadapi masalah.

Inventori Kaunseling AHH telah digunakan sebagai '*screening device*' untuk mengenalpasti pelajar yang mempunyai masalah. Terdapat 6 kategori masalah. Masalah tersebut ialah perhubungan dengan guru, perhubungan dengan keluarga, mudah tersinggung atau marah, keyakinan sosial, perhubungan dengan rakan sebaya dan akhir sekali ialah masalah kesihatan

Dapatan kajian tadi telah menunjukkan bahawa pelajar tingkatan 4 di sekolah menengah menghadapi pelbagai masalah. Jenis masalah mengikut keutamaan berdasarkan skor adalah seperti berikut ; keyakinan sosial, perhubungan dengan keluarga, perhubungan dengan guru, kesihatan, mudah tersinggung atau marah, dan akhir sekali ialah perhubungan dengan rakan sebaya.

Selain daripada itu, kajian ini mendapati orang paling popular ditemui oleh pelajar apabila menghadapi masalah ialah kawan rapat atau rakan sebaya. Dapatan ini adalah selari dengan dapatan kajian jenis masalah mengikut keutamaan kerana masalah yang paling kurang dihadapi oleh pelajar ialah dengan rakan sebaya. Sebaliknya guru tingkatan, guru-guru lain dan kaunselor kurang ditemui oleh pelajar. Implikasinya guru-guru tingkatan atau guru bimbingan perlu mengkaji mengapa pelajar tidak memilih mereka untuk berbincang apabila menghadapi masalah.

Chiam, (1979), pula telah menggunakan 'The Mooney Problem Check List' bagi meninjau keperluan pelajar. Subjek kajian terdiri daripada pelajar tingkatan 1 hingga tingkatan 4 di 29 buah sekolah menengah di bahagian barat Semenanjung Malaysia. Secara khususnya terdapat 11 kategori masalah yang dikaji oleh pengkaji. Masalah tersebut ialah *Physical and Health Conditions* (PHC), *Finance and Living Conditions* (FLC), *Social and Recreational Activities* (SRA), *Courtship, Sex and Marriage* (CSM), *Social-Psychological Relations* (SPR), *Personal-Psychological Relations* (PPR), *Moral and Relation* (MR), *Home and Family* (HF), *The Future : Vocational and Educational* (FVE), *Adjustment to School Work* (ASW) dan akhir sekali ialah masalah mengenai *Curriculum and Teaching Procedure* (CTP),

Hasil daripada dapatan kajian didapati bahawa masalah *Adjustment to School Work* (ASW) merupakan masalah utama yang dihadapi oleh pelajar.

Beliau juga membuat rumusan bahawa *Personal-Psychological Relations* (PPR) merupakan masalah besar yang perlu diberi perhatian oleh pendidik.

Selain daripada kajian keperluan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar-pelajar terdapat juga kajian keperluan bimbingan dan kaunseling oleh pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi. Di antara pengkaji yang berbuat demikian ialah Hassan Langgulung (1975) dan Mohd. Yunus (1984).

Hassan Langgulung (1975), telah menggunakan 'Mooney Problem Checklist' ke atas 45 orang responden iaitu 17 lelaki dan 28 perempuan. Responden tersebut adalah di kalangan pelajar tingkatan 5 dan 6 serta pelajar tahun pertama di universiti tempatan. Suatu perbandingan masalah pelajar juga telah dibuat dengan pelajar di Indonesia, Mesir dan Amerika. Dapatan kajian didapati kesemua responden di negara Malaysia dan negara-negara yang dikaji adalah menunjukkan keperluan yang sama iaitu keperluan bagi mengatasi masalah *Adjustment to School Work* (ASW), *Personal-Psychological Relations* (PPR) dan *The Future : Vocational and Education* (FVE). Apa yang berbeza ialah jenis masalah mengikut keutamaan berdasarkan skor. Bagi pelajar Malaysia, jenis masalah mengikut keutamaan adalah seperti berikut ; *Personal-Psychological Relations* (PPR), *Adjustment to School Work* (ASW), dan akhir sekali ialah masalah *The Future : Vocational and Education* (FVE)

Mohd. Yunus Mohd. Noor (1984), di dalam kertaskerjanya yang bertajuk *Kaunseling Dalam Pengajian Tinggi* telah mengenal pasti masalah-masalah pelajar baru di Universiti Malaya. Di antara masalah yang dikenal pasti ialah masalah kewangan, tekanan peperiksaan, penyesuaian sosial, sistem pembelajaran serta risau mengenai prospek kerjaya. Menurutnya lagi, pelajar ini juga memerlukan perkhidmatan kaunseling individu dan kaunseling kelompok.

Masalah-masalah yang telah dikenalpasti oleh beliau mengikut peratus ialah; Kewangan, Penginapan dan Pengangkutan (27.1), Pembelajaran (21.0), Kerjaya dan Masa Depan (15.8), Sosial-Psikologi (11.8), Personal-Psikologi (11.1), Keluarga (10.1), Aktiviti Sukan, Rekreasi dan Kebudayaan (7.3), Perkembangan Fizikal dan Kesihatan (5.8), Isu Moral dan Agama (3.9) dan Kasih sayang, seks dan perkahwinan (2.3)

Hutchinson dan Bottorff (1986), telah membuat kajian mengenai bidang-bidang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang diperlukan oleh pelajar berbanding dengan bidang-bidang perkhidmatan yang disediakan oleh kaunselor di 'High School' di Amerika Syarikat. Responden Kajian terdiri daripada 250 pelajar baru di Universiti Muncie Indiana. Pelajar tersebut dipilih daripada 21 buah negeri yang mewakili 152 buah 'High School' yang ada menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Kajian ini telah menggunakan suatu soal selidik yang membuat perbandingan mengenai perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang pelajar perlukan berbanding dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang mereka terima daripada kaunselor. Di dalam soal selidik tersebut terdapat 8 bidang perkhidmatan yang diperbandingkan. Perkhidmatan tersebut ialah Kaunseling kerjaya, Pemeriksaan kehadiran/ponteng, Penyebaran maklumat kolej, Pendisiplinan, Kaunseling masalah peribadi, Penjadualan, Penyimpanan rekod dan akhir sekali ialah ujian dalam kaunseling.

Hasil daripada kajian tersebut terdapat 4 bidang yang amat diperlukan oleh pelajar. Bidang tersebut ialah, Kaunseling Kerjaya (89 %), Maklumat Kolej (79%), Masalah Peribadi (60%) dan Penjadualan (56%). Namun begitu, hasil daripada perbandingan dengan peratusan bidang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang disediakan oleh kaunselor didapati perkhidmatan Kaunseling Kerjaya hanya diperuntukkan (40%), Maklumat Kolej (59%) dan Masalah Peribadi (21%). Manakala perkhidmatan Penjadualan agak tinggi peratusannya berbanding dengan kehendak pelajar iaitu (78%). Kajian tersebut adalah jelas menunjukkan bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling haruslah dilaksanakan berdasarkan kepada bidang-bidang keperluan pelajar.

Lai, K.C. (1996), telah membuat kajian mengenai ekspektasi pelajar terhadap kaunseling. Dalam kajian ini beliau telah memilih 60 orang pelajar lelaki

dan 60 orang pelajar perempuan yang berada di tingkatan 4 dari 3 buah sekolah terpilih di bandar Melaka dan persekitarannya.

Skala 'Expectations About Counseling-Brief (EAC-BM)' yang telah diubahsuai dan diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia digunakan untuk mendapat maklumat tentang ekspektasi pelajar terhadap kaunseling. Hasil kajian menunjukkan bahawa para pelajar pada keseluruhannya mempunyai ekspektasi terhadap kaunseling, akan tetapi mereka mempunyai perasaan yang berbelah bahagi terhadap beberapa perkara iaitu ; berterus terang dengan kaunselor, rasa tanggung jawab dan mendapat seorang kaunselor yang ikhlas dan bertoleransi.

Keputusan analisa 'Chi Square' menunjukkan terdapat perbezaan di antara pelajar lelaki dan perempuan dalam 6 daripada 37 item skala EAC-BM. Hampir semua pelajar (98.3 %) percaya bahawa kaunseling ialah satu proses memberi nasihat. Mereka menganggap kaunselor sebagai seorang penasihat. Secara amnya, keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa pelajar percaya kaunseling akan dapat membantu mereka. Mereka juga mengharapkan seorang kaunselor yang peramah dan ikhlas. Akan tetapi mereka meragui akan dapat rasa selesa dan cukup selamat bersama dengan kaunselor untuk melahirkan perasaan sebenar mereka. Ramai pelajar telah salah faham tentang kaunseling dan melihatnya sebagai proses memberi nasihat dan pertolongan yang tidak memerlukan sebarang kerjasama dan komitmen.

Norpah Darus (1982), telah membuat kajian mengenai persepsi pelajar terhadap bimbingan dan kaunseling berdasarkan lokaliti sekolah. Beliau telah menjalankan kajian di sebuah sekolah di bandar Kajang, Selangor. Hasil kajian merumuskan bahawa pelajar-pelajar di kawasan bandar masih kurang memanfaatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah mereka. Manakala kes-kes yang dirujuk kepada kaunselor hanyalah berpusat kepada masalah akademik dan tidak kepada masalah emosi dan peribadi. Keadaan ini berpunca daripada kurangnya kefahaman pelajar terhadap konsep, falsafah dan peranan perkhidmatan secara keseluruhannya.

Alimuddin Mohd. Don (1988), telah membuat kajian mengenai persepsi pelajar di 6 buah sekolah menengah di negeri Perak. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti tanggapan pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dari segi fungsi, keupayaan dan keberkesanannya. Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui sama ada wujud perbezaan tanggapan di antara pelajar bandar dan luar bandar serta pelajar lelaki dan perempuan tentang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Kajian ini dijalankan di 6 buah sekolah menengah di daerah Larut dan Matang, Perak. Seramai 600 pelajar dipilih sebagai subjek kajian yang terdiri daripada 300 pelajar lelaki dan 300 pelajar perempuan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan soal selidik yang mengandungi 34 item. Data-data dianalisis dengan cara taburan kekerapan, peratusan dan 'Chi Square'.

Hasil kajian secara keseluruhannya menunjukkan pelajar-pelajar mempunyai tanggapan yang positif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Tidak banyak perbezaan yang signifikan di antara tanggapan pelajar bandar dan luar bandar serta di kalangan pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap kenyataan mengenai perkhidmatan tersebut. Namun demikian ada juga terdapat tanggapan yang berbeza di kalangan responden yang berlainan lokality dan jantina terhadap beberapa kenyataan yang dikemukakan.

Mohd. Seni Hussin (1982), telah membuat kajian mengenai sikap pelajar terhadap peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dan bimbingan kerjaya. Subjek kajian adalah pelajar-pelajar di beberapa buah sekolah menengah luar bandar di negeri Selangor. Menerusi kajiannya didapati para pelajar mempunyai pandangan yang negatif terhadap peranan perkhidmatan tersebut. Mereka juga tidak dapat membuat keputusan sama ada mahu merujuk ataupun tidak kepada kaunselor dalam soal untuk mendapatkan bantuan dalam bidang kerjaya. Demikian juga mereka lebih suka merujuk kepada rakan-rakan untuk menyelesaikan masalah peribadi yang mereka hadapi. Kajian ini juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tanggapan pelajar lelaki dan perempuan terhadap perkhidmatan itu di sekolah mereka.

Schultz (1963), telah membuat kajian mengenai pandangan pelajar terhadap program bimbingan di beberapa buah sekolah tinggi di Amerika Syarikat. Beliau telah mengkaji kad himpunan 100 pelajar dan mengemukakan

25 soalan berbentuk lisan kepada pelajar-pelajar berkenaan. Hasil daripada kajian itu, didapati pelajar-pelajar lelaki lebih kerap berjumpa dengan kaunselor di sekolah mereka dan mempunyai sikap yang positif terhadap perkhidmatan itu berbanding dengan pelajar perempuan.

Snyder, Hill dan Derksen (1972), dalam kajian mereka mendapati kebanyakan pelajar lebih suka merujuk kepada pihak-pihak yang lain daripada kaunselor bagi menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Mereka berpendapat untuk menyelesaikan masalah peribadi dan sosial dengan merujuk kepada rakan-rakan adalah sebagai pilihan utama. Sekiranya rakan-rakan tidak dapat membantu, mereka akan merujuk kepada saudara mara yang rapat. Berjumpa dengan kaunselor hanyalah sebagai pilihan terakhir.

Wiggins dan Moody (1987), pula telah membuat kajian mengenai penilaian pelajar terhadap program kaunseling di sekolah. Responden adalah terdiri daripada 11 orang pelajar di mana 7 orang adalah dipilih daripada 'Middle School' dan 4 orang lagi daripada 'Senior High School'. Responden ini dinilai oleh satu pasukan yang terdiri daripada 4 orang pengkaji.

Hasil daripada kajian tersebut, didapati 68% pelajar menyatakan bahawa perkhidmatan kaunseling yang diberikan adalah cemerlang. Dari segi perbandingan penilaian di antara 'Middle School' dan 'Senior High School'

adalah didapati 'Senior High School' memberikan peratus yang tinggi terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berbanding dengan 'Middle School'.

Arapan Kolenthei (1982), telah mengkaji sikap pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah di Kuala Lumpur. Beliau menggunakan teknik 'Repertory Grid' dalam kajian itu. Hasilnya didapati bahawa memang terdapat tanggapan yang berbeza terhadap perkhidmatan tersebut di kalangan pelajar-pelajar yang berlainan jantina. Beliau mendapati tanggapan pelajar perempuan lebih positif terhadap perkhidmatan itu berbanding dengan pelajar lelaki.

Mohd. Soder Rahmad (1985), telah membuat kajian mengenai sikap pelajar-pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sebuah sekolah menengah di Kelang. Subjek kajian adalah pelajar-pelajar tingkatan 3, 5 dan 6 yang terdiri daripada 150 pelajar lelaki dan perempuan. Kajian tersebut mendapati tidak ada perbezaan sikap yang nyata di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

Hasil kajian Kuan, A.K. (1985), mengenai persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah mendapati kebanyakan pelajar kurang yakin terhadap kaunselor mereka. Pelajar masih belum memahami peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah mereka. Kebanyakan pelajar takut dilabel sebagai pelajar bermasalah jika mereka

menemui kaunselor. Pelajar juga didapati masih tidak bersifat terbuka dan merasai sukar untuk membincangkan masalah mereka dengan kaunselor. Pelajar tidak tahu masalah yang mana satu patut di bawa kepada kaunselor untuk perbincangan. Pelajar-pelajar juga menganggap hanya mereka yang bermasalah sahaja patut berjumpa kaunselor dan maksud bermasalah di sini sering dikaitkan dengan masalah disiplin.

Rohana Zubir (1974), melalui kajiannya terhadap pelajar-pelajar tingkatan 4 di beberapa buah sekolah menengah di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya mendapati ramai pelajar yang menghadapi masalah yang boleh menjejaskan pencapaian akademik dan perkembangan emosi mereka. Kebanyakan daripada mereka bersetuju bahawa untuk menyelesaikan masalah peribadi adalah lebih baik berbincang dengan ibu bapa dan rakan-rakan daripada menemui kaunselor. Ini disebabkan mereka beranggapan bahawa kaunselor hanya sesuai ditemui untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pelajaran dan kerjaya sahaja dan bukannya soal-soal yang berkaitan dengan peribadi.

Symons, M.C. (1977), telah membuat kajian persepsi dari sudut pelajar, guru bimbingan dan juga pentadbir sekolah. Hasil kajian ini menunjukkan pelajar-pelajar mempunyai pandangan yang negatif terhadap 3 daripada 4 jenis perkhidmatan yang ditawarkan oleh guru-guru bimbingan. Perkhidmatan yang dimaksudkan ialah perkhidmatan inventori individu, perkhidmatan kaunseling dan perkhidmatan memberi maklumat. Para pelajar memberikan pandangan yang

positif hanya kepada perkhidmatan aktiviti pelajar atau lebih dikenali sebagai kegiatan ko-kurikulum. Walaupun guru bimbingan dan pentadbir memberi pandangan yang positif terhadap program bimbingan secara keseluruhannya, namun data-data yang diperolehi menunjukkan para pelajar tidak menganggap perkhidmatan yang diberi oleh guru bimbingan dapat membantu mereka membuat keputusan berhubung dengan pendidikan, pekerjaan dan pergaulan peribadi sosial.

Berdasarkan kepada kajian-kajian yang lepas berkaitan dengan keperluan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar sekolah menengah ternyata menunjukkan setiap pelajar mempunyai perbezaan dari segi keutamaan bidang-bidang bimbingan yang diperlukan. Selain daripada itu terdapat juga kajian yang menunjukkan terdapat perbezaan dari segi keperluan pelajar berdasarkan lokaliti sekolah, pelajar bandar dan luar bandar dan juga pelajar yang berbilang kaum.

Beberapa kajian mengenai persepsi pelajar juga menunjukkan kebanyakan pelajar memberikan gambaran yang negatif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Mereka juga tidak mengetahui peranan sebenar perkhidmatan tersebut. Keadaan ini menyebabkan para pelajar jarang menemui kaunselor kerana tidak pasti apakah bentuk-bentuk keperluan yang mereka perlukan

Justeru itu dalam kajian ini, akan dikenalpasti apakah bidang-bidang bimbingan yang diperlukan oleh pelajar-pelajar sekolah menengah. Kajian ini juga akan menentukan sama ada terdapat perbezaan dari segi keperluan antara

sekolah-sekolah, di antara pelajar lelaki dan perempuan dan di antara pelajar aliran sains dan sastera. Hasil daripada kajian ini diharap akan memberi panduan kepada kaunselor dan pihak-pihak tertentu yang berkaitan dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling mengetahui apakah bidang-bidang bimbingan yang diperlukan oleh pelajar-pelajar sekolah menengah.